


**“RIBA; KESEDARAN HUKUM DAN PEMBERSIHAN”. 1**


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ¹ </p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُموتنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mari bersama-sama kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan mengamalkan apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya serta menjauhi apa yang dilarang-Nya.</p>	7
<p>Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang berkaitan muamalat iaitu “RIBA; KESEDARAN HUKUM DAN PEMBERSIHAN”.</p>	8
<p>Hadirin yang dimuliakan sekalian,</p> <p>Secara umumnya riba ialah setiap penambahan bayaran hutang berbanding kadar asal pinjaman. Justeru, kesedaran hukum tentang Riba adalah sangat perlu agar umat Islam tidak terjebak dengan dosa secara sedar ataupun tidak.</p>	9
<p>Tetamu Allah sekalian,</p> <p>Riba dalam bentuk dan alasan apa pun adalah dilarang oleh Allah SWT dan hukum nya adalah haram. Riba disebut tidak kurang daripada lapan kali dalam empat surah yang berbeza. Antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275;</p> <p style="text-align: center;">... وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ...</p> <p><i>“Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”.</i></p>	10

¹ Al-Baqarah ; 278

<p>Begitu juga seperti ayat 278 dan 279 surah al-Baqarah;</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾</p>	<p>11</p>
<p><i>"Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu:...</i></p>	<p>12</p>
<p><i>...akan adanya peperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak memperoleh keselamatan). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.</i></p>	<p>13</p>
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Terdapat segelintir masyarakat kita yang keliru dengan sesuatu urusan niaga dan muamalah yang dilarang oleh Allah. Mereka menyangka bahawa riba itu tidak haram selagi mana wujud sifat reda antara satu sama lain didalam urusan jual beli. Mereka mengamalkan riba ini didalam urusan jual beli seharian mereka tanpa rasa berdosa dan mereka mengetahui bahawa riba itu dilarang didalam Islam.</p>	<p>14</p>
<p>Sebuah hadis daripada Abdullah bin Masu'd R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;</p> <p style="text-align: center;">لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَكِلَ الرِّبَا وَمُؤَكَّلَهُ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Rasulullah SAW melaknat pemakan Riba dan wakilnya". (Riwayat Muslim).</i></p>	<p>15</p>
<p>Manakala Fuqaha' dalam mazhab Syafi'e dan mazhab-mazhab lain memfatwakan bahawa tambahan yang perlu dibayar pada hutang atau pinjaman tetaplah haram hukumna, ini berpandukan kepada riwayat Fadhalah Bin Ubaid R.Anhu salah seorang sahabat nabi, beliau berkata;</p> <p style="text-align: center;">كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً فَهُوَ وَجْهٌ مِنْ وُجُوهِ الرِّبَا</p>	<p>16</p>

<p style="text-align: center;"><i>"Setiap hutang yang dikenakan manfaat adalah salah satu jenis riba". (Sunan Kubra lil-Baihaqi).</i></p>	
<p>Muslimin Jumaat yang dirahmati sekalian,</p> <p>Mutakhir ini, sistem pinjaman kewangan konvensional dikenal pasti paling banyak mengamalkan urusan riba, seperti pinjaman perumahan, sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran, pinjaman mendapatkan modal syarikat, pinjaman bagi membeli mesin dan alatan untuk syarikat dan lain-lain. Ketahuilah bahawa faedah yang dikenakan ke atas peminjam adalah lebih bayaran daripada kadar pinjaman asal diluluskan sebagai riba yang diharamkan. Jumlah faedah yang dicampur dengan jumlah pokok pinjaman akan dibahagikan pula mengikut bulan juga adalah riba yang diharamkan oleh Syarak.</p>	17
<p>Selain daripada itu, umum mengetahui bahawa bayaran tambahan dari harga asal atau bunga yang dikenakan oleh ah long sama ada membayar tepat pada masanya ataupun lewat hukumnya adalah riba dan haram, bahkan peminja diperdaya untuk membayar bunga yang berlipat kali ganda.</p>	18
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Riba juga boleh berlaku dalam pelbagai urusan lain contohnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perniagaan pertukaran mata wang seperti Forex Online kerana urusan niaganya yang tidak berlaku secara serta merta sewaktu dilakukan jual beli. 2. Insurans-insurans konvensional seperti insurans nyawa juga adalah haram kerana telah difatwakan mengandungi unsur-unsur riba, gharar (ketidak tentuan) dan judi. 3. Jual beli emas secara tangguh yang tidak menepati syarak. 	19
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Pengharaman riba adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia dari segi akhlaknya, kemasyarakatan dan ekonomi. Hal ini kerana amalan riba akan melebarkan jurang antara golongan yang berada dengan golongan yang kurang mampu atau miskin. Ia merupakan satu penindasan terhadap orang-orang miskin kerana ia hanya akan dibebani dengan hutang atau faedah daripada sesuatu muamalat manakala golongan yang kaya akan terus mengaut keuntungan daripada kesusahan orang lain.</p>	20

<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Mimbar hari ini mengajak mereka yang terlibat dengan riba dan muamalat yang tidak patuh syariah supaya bertaubat dengan bersungguh-sungguh dan tidak meneruskan sebarang urusan niaga yang berkaitan dengan riba. Harta-harta riba dan haram yang telah kita perolehi sebelum ini hendaklah dibersihkan dengan diberikan atau disalurkan kepada jalan-jalan kebaikan dengan dua cara :</p> <p>Pertama, diberikan kepada fakir miskin, anak yatim dan sebagainya. Ingatlah bahawa harta riba itu adalah harta yang tidak boleh dimiliki. Sebaliknya ia adalah milik umum dan pembahagiannya dilakukan untuk masalah amah (kepentingan umum).</p> <p>Kedua, wang faedah atau "interest" ini di berikan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan umum seperti membaiki jalan, membina tandas awam, membina jambatan, memberi bantuan untuk misi bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan seumpamanya.</p>	<p>21</p>
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,</p> <p>Ketetapan berkenaan penyaluran wang tidak patuh syariat atau wang haram ini telah dibuat melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2009 pada 18 Mac 2009 yang menyatakan:</p> <p>i. Wang tidak patuh syariah yang diperolehi boleh dijadikan sumber baitulmal dan harus dimasukkan ke dalam akaun baitulmal.</p> <p>Penggunaan wang tidak patuh syariah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan, emolument, pendidikan, pertanian, penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan, tandas dan lain-lain untuk kegunaan umum.</p>	<p>22</p>
<p>Justeru, mengakhiri khutbah hari ini, marilah sama-sama kita renung dan hayati beberapa saranan penting seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah patuh dengan perintah larangan dan pengharaman riba. 2. Umat Islam wajib memilih urusan niaga dan produk yang patuh syariah supaya dapat mengelakkan diri daripada sebarang urusan niaga yang haram. 	<p>23</p>

<p>3. Mana-mana pihak yang menawarkan sebarang pembiayaan dan perlindungan wajib mengadakan dan memberikan pembiayaan dan perlindungan yang patuh syariah sahaja.</p> <p>4. Umat Islam hendaklah bertaubat dan membersihkan segala terimaan yang diperoleh daripada sumber yang tidak patuh syariah supaya hidup kita lebih bahagia dan berjaya di dunia dan akhirat.</p>	<p>24</p>
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ</p> <p style="text-align: right;"> ١٣</p>	<p>25</p>
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(ali Imran ; 130)</i></p>	<p>26</p>
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	<p>27</p>
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	<p>28</p>

KHUTBAH KEDUA .29

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>30</p>
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>31</p>
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>	<p>32</p>
<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>	<p>33</p>
<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>	<p>34</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>35</p>
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	<p>36</p>
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	<p>37</p>
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	<p>38</p>

<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِّلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	<p>39</p>
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	<p>40</p>
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju,...</p>	<p>41</p>
<p>...sejahtera dan berkebakjikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu...</p>	<p>42</p>
<p>...ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami,</p>	<p>43</p>
<p>luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, ...</p>	<p>44</p>
<p>... lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat serta peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang...</p>	<p>45</p>
<p>...menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.</p>	<p>46</p>
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	<p>47</p>
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾</p>	<p>48</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>49</p>